



NOTA PERCAKAPAN YAB MENTERI BESAR

1. **Jumlah kes baru Covid-19 di Negeri Sembilan menurun** semalam. Terima kasih kepada semua barisan hadapan di negeri ini yang bertungkus lumus. Secara dapatan di lapangan, **rakyat di Negeri Sembilan akur dengan Perintah Kawalan Pergerakan.**
2. Hasil mesyuarat hari ini, **Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) Khas di Negeri Sembilan diaktifkan** bagi pengurusan krisis dan bencana berkaitan Covid-19. Selain itu, mesyuarat pada pagi ini dapat memberi gambaran jelas berkaitan status terkini kes Covid-19 di Negeri Sembilan mahupun di peringkat nasional.
3. Penyelarasan jadual operasi premis perniagaan berkuat kuasa **24 Mac sehingga 31 Mac 2020** dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan adalah seperti berikut :
 - (i) semua premis makan, restoran, gerai makan di tepi jalan atau bahu jalan dan kendera saji (*foodtruck*) yang diberi lesen perniagaan (termasuk yang beroperasi 24 jam) dibenarkan beroperasi dari **7 pagi sehingga 8 malam.**
 - (ii) Semua pasar raya, kedai runcit dan kedai serbaneka termasuk yang beroperasi 24 jam dibenarkan beroperasi bermula **7 pagi sehingga 8 malam.**
 - (iii) **semua stesen minyak**, termasuk kedai serbaneka stesen tersebut dibenarkan beroperasi dari **6 pagi hingga 8 malam.**
 - (iv) **semua pasar awam** dibenarkan beroperasi untuk pengguna mulai **6 pagi sehingga 12 tengah hari.**
 - (v) semua pasar malam, pasar tani dan dan pasar pagi **tidak dibenarkan** beroperasi.
4. Negeri Sembilan akan mengagihkan peruntukan RM100,000 yang diterima daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri kepada **Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah** di semua daerah di Negeri Sembilan dalam masa terdekat. Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk memberi peruntukan tambahan khas RM100,000 sebagai bantuan kepada petugas dan keperluan lain semasa penularan Covid-19 ini.
5. Saya berharap semua rakyat di Negeri Sembilan memberikan kerjasama dengan mengikut segala arahan yang diberikan oleh pihak berkuasa. Sama-sama kita doakan kesejahteraan kita semua dikurniakan semula oleh Yang Maha Esa.

-TAMAT-

Disediakan oleh :

Unit Korporat, Inovasi dan Kualiti

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

✉ alba@ns.gov.my

☎ 06-765 9059